













SASTERA

## Godam: Gapena, Semangat Keranda 152, GMP dan bahasa Melayu

**Bersama Salbiah Ani**
**dahiya@bharian.com.my**

TIGA hari lagi kita akan menghirup udara 15 Februari dan perkara terbabit sengaja diketengahkan dalam ruang pojok ini kerana ada janji yang dibuat Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) serta dinantikan ramai untuk melihat sendiri apakah ia akan ditunaikan.

Gapena pernah berjanji untuk mengadakan perarakan dari Rumah Gapena ke Istana Negara pada tarikh terbabit bagi menyatakan protes kepada dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) serta mengambil tindakan undang-undang.

Bagaimanapun kelantangan Gapena pada Disember lalu selepas dibidas Godam, mula mengendur selepas Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishamuddin Hussein, mempersoalkan mengapa tindakan sedemikian rupa tidak diambil ketika PPSMI dilaksanakan pada 2003.

Terbaru, khabarnya Gapena akan mengadakan ceramah pada hari terbabit yang disampaikan oleh mantan Pengarah Urusan Sistem Penerbangan Malaysia (Mas), Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan disusuli dengan laporan polis berhubung PPSMI di Balai Polis Dang Wangi.

Selain itu, ia tarikh penting dalam sejarah bahasa dan bangsa Melayu di negara ini kerana peristiwa Keranda 152 sebagai penentangan terhadap Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 yang memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negara,

Terkedu penulis apabila membaca ulasan Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 tulisan Zainal Abidin Abd Wahid yang menjelaskan perkara itu secara rinci seperti dimuatkan dalam Keranda 152 - Bahasa Kita - Air Mata & Maruah Kita terbitan Persatuan Linguistik Malaysia (PLM).




Begitu juga dengan sikap mantan Perdana Menteri, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam ucapannya dan Memorandum Mengenai Pelaksanaan Fasal 152 Perlembagaan Malaysia yang turut dimuatkan dalam buku terbabit, seolah-olah tidak kasih akan bahasa Melayu.

Terlalu berlembut dalam memenuhi tuntutan pemimpin bukan Melayu dalam meliberalkan pengajaran bahasa kaum mereka sehingga sanggup mengguris hati orang Melayu meskipun janji sudah diberikan ketika

### Bursa Malaysia

BURSA MALAYSIA
07 Mar 2009

KL Composite Index




| | | |
|---|---|---|
| CI | : 869.24 | ↑ 2.31 |
| FBMSHA | : 5987.42 | ↓ -0.00 |
| FBM2BRD | : 3952.27 | ↓ -0.00 |
| FBM-MDQ | : 3111.49 | ↓ -0.00 |
| FBM100 | : 5580.10 | ↓ -0.00 |
| FBM30 | : 5588.32 | ↓ -0.00 |
| FBM70 | : 5469.89 | ↓ -0.00 |
| FBM-SCAP | : 6315.23 | ↓ -0.00 |
| FBM-EMAS | : 5676.02 | ↓ -0.00 |
| FBM-FLEDGLING | : 5217.16 | ↓ -0.00 |
| FBM-A40 | : 4246.02 | ↓ 40.92 |
| Ind | : 2070.79 | ↑ 15.49 |
| Vol | : 372,467,700.000 | |
| ↑ 225 | ↓ 230 | → 225 |

Powered by

### Versi Akhbar Digital




**Artikel lain:**

Mutu faktor penentu
Sastera.com: Ayu Utami dipuji makin matang dalam Bilangan Fu
Warna Kehidupan: Menjemput tetamu cara moden
Sindrom 'takut' pejuang Melayu
Mewah Bahasa: Jalang tepi pantai
Di Bawah Langit Gaza
Godam: 'Masalah bahasa: Menarik rambut dalam tepung'
Budaya bertolak ansur
Sastera.com : Minggu Buku Terlarang di Amerika Syarikat
Suara protes kutuk Israel
Mewah Bahasa: 'Eden tak nak air oren dalam botol'
Bengkel giat dunia buku
Godam: 'Gendang perang Sasterawan Negara, PPSMI dan bahasa Melayu'
Warna Kehidupan: Kaki kutuk terus bertahan
E-Mel dan Anda...
PPSMI: Kembali ke pangkal jalan
Sastera.com: Kontroversi kematian penyair Russia, Alexandra Pushkin
Bahasa bukan penentu kejayaan
Mewah Bahasa: 'Sebab tak dapatlah yang aku puas ni'
Puisi tanda simpati Malaysia
Godam: 'Gelora penolakan PPSMI buat renungan semua'
Warna Kehidupan: Buruk baik hipokrasi
DBP dapat pemimpin baru
Sastera.com: 2008 tahun meriah dunia sastera India
Mewah Bahasa: 'Ngecek teman lelaki dapat telefon genggam'
Gapena teruskan niat saman
Pejuang bahasa tetap tolak PPSMI
Warna Kehidupan: Apa ada pada nama?
E-Mel & Anda
Teks Raja Ali Haji
Sastera.com: Perang sastera Inggeris Perancis untungkan Korea
Israel terus dibidas
Mewah Bahasa: 'Ayah awak bele moto kat dalam kebun sawit?'
Kemelut kemas kini kamus
Godam: Agenda politik, agama, bahasa dan maruah diri
Warna Kehidupan: Warna busana ketika ziarah
Emel & Anda
Pejuang jati diri Melayu
Politik Hadiah Nobel dibongkar
Penyair bidas kerajaan negeri, PBT
Mewah Bahasa: 'Kena gigit semut?! Habislah kaki anak saya bengkak!'
Lipatan Syawal: Suara protes, hentam Israel
Godam: Sastera tanpa noktah buat Arena Wati

Maklumat Penuh...

Perlembagaan Negara digubal pada 1957 sebaik mendapat kemerdekaan.

Hanya masa yang akan menentukan sama ada segala yang dirancang akan dilaksanakan Gapena mengikut jadual dan kini sudah ada satu lagi kumpulan menolak PPSMI, Gerakan Mansuh Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (GMP), melancarkan gerakan dengan bantahan secara aman pada 31 Januari lalu.

Terkini penulis dimaklumkan, GMP akan mengadakan jerayawara di seluruh negara mulai esok dengan destinasi pertama di Negeri Sembilan dan diakhiri di Wilayah Persekutuan atau Selangor pada 6 Mac depan selain menjadikan masyarakat di bandar kecil sebagai kelompok sasaran untuk penjelasan.

Antara tokoh yang dijadualkan menyertai jerayawara ini ialah Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan, Datuk Dr Hassan Ahmad, Profesor Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi), Dr Abdullah Hassan, mantan Profesor Matematik, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Shahril Mat Zain dan mantan Pengarah Pusat Pengajian Borneo UKM, Datuk Zainal Abidin Abd Wahid.

GMP turut merancang untuk menyerahkan memorandum meminta ahli Parlimen membincangkan bahawa PPSMI bertentangan dengan Perlembagaan Negara dan kaedah budaya yang akhirnya akan membunuh bahasa ibunda secara perlahan-lahan.

Penulis diberitahu ramai pensyarah di IPTA menentang PPSMI, tetapi terpaksa mendiamkan diri kerana terikat dengan Surat Aku Janji yang mensyaratkan mereka mematuhi lapan perkara sebagai kakitangan awam termasuk akur dan menyokong semua dasar kerajaan.

Sesetengah yang sudah menyatakan pendirian mereka secara terbuka termasuk di kalangan pejuang bahasa, sudah pun dipanggil polis d Cawangan Khas untuk disoal siasat dan diminta memberi hujah bagi mempertahankan tindakan masing-masing.

Suatu hakikat yang sering dinafikan kelompok yang enggan memahami semangat pejuang bahasa ialah mereka bukan taksub dan tidak pernah menafikan kepentingan bahasa Inggeris, tetapi biarlah penguasaan dimantapkan melalui pengajaran subjek, bukannya menjadikan Sains dan Matematik sebagai mangsa.

Pendekatan ini menguntungkan pelajar tanpa mengira bangsa, sosio-ekonomi mahupun kedudukan geografi mereka serta memungkinkan lebih ramai rakyat Malaysia meningkatkan taraf hidup kerana Sains dan Matematik, subjek asas kemasukan ke universiti dengan kursus bernilai ekonomi.

Atau sebenarnya kelompok yang sengaja enggan memahami aspirasi pejuang bahasa Melayu sebenarnya mempunyai agenda tersembunyi dan mungkinkah tunjuk perasaan Keranda 152 pada 6 Mac 1967 akan berulang dalam usaha memastikan dasar PPSMI dihapuskan?

Cetak artikel | Hantar pada kawan

Iklan Teks

- Laporan PERCUMA - Bongkar Rahsia Kekayaan !! Baru!
- Blog RMXXX + 2HARI LATIHAN percuma Baru!
- RAHSIA MANGGIS, BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN Baru!
- <<"BARU" BAKAL MELETUP DI PASARAN>> Baru!
- MUDAH, MURAH & TELUS !!! Baru!
- PENTERNAKAN CACING ORGANIK!! PENDAPATAN LUMAYAN!! Baru!
- PELUANG UNTUK SEMUA LEADER MLM Baru!
- BISNES HEBAT RAMAI ARTIS SERTAI Baru!
- MARI BUAT DUIT ONLINE PERCUMA ! Baru!
- +++SANGAT MURAH!! PRABAYAR PALING UNTUNG+++ Baru!
- Peluang Jana Pendapatan Harian Anda
- BISNES LUMAYAN BERSAMA ARTIS !
- RAHSIA JUTAWAN SEGERA
- PANAS!! PENDAPATAN 6ANGKA BERSAMA ALPHALIPID
- $$BONUS DUIT$$.... VEMMA PERCUMA ONLINE
- RAHSIA JUTAWAN TERBONGKAR !!!
- DAFTAR PERCUMA...JANA WANG$$ 100%ONLINE
- RMXXXX/bulan, 100%online, sambilan bersama DCL4U
- WAH!! BONUS$$$DIBAYAR MINGGUAN, DAFTAR/PERCUMA
- Premium BEAUTIFUL-WOW 5minit SLIMMING!!
- !!!PRODUK WANITA!!!
- Hosting RMXX setahun, 25% affiliate
- GANDA WANG BERTERUSAN KE AKAUN-CIMB!
- ALPHALIPID!! Rahsia Kesihatan & Kebebasan Kewangan

Warna Kehidupan: Hakikat budaya mengampu

Google
Search
Web www.bharian.com.my







HUBUNGI KAMI !

Ingin Jimat Bil Elektrik? Klik Di Sini Penjimatan Elektrik No.1 di Malaysia!




PENDAPATAN HEBAT! KLIK DI SINI




DAFTAR PERCUMA




MESIN-DUIT TERHEBAT

KLIK SINI



KLIK DISINI

Langsingkan Sehingga 10 kg Dalam 30 Hari <<Klik Di Sini>>

Dapatkan Al Quran Digital Di Sini!

FREE! Internet, Seminar Kursus Komputer JomTraining.com

DAPATKAN SEKARANG

- ALPHALIPID NO 1 : BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN
- >>>TEKNIK GEMPAK MENJADI JUTAWAN DIEBAY<<<
- $$ DUIT mingguan $$
- RAHSIA YOUTUBE MENJANA RMXXX SEHARI !!
- KHUSUS KEPADA PENCARI PELUANG PENDAPATAN
- BUAT DUIT Dengan MYSPACE & FRIENDSTER-V3
- EKSKLUSIF untuk LELAKI : HEBAT MENGGEGARKAN !!
- Prestasi Unggul Hubungan Intim
- INILAH CARANYA!!! $$$$$$$$$$
- $$BONUS HEBAT UNTUK KAKITANGAN AWAM/SWASTA$$
- WOWW!! HARI-HARI DUIT MASUK BANK !!
- Akan Lancar Mac2009 - MyDNA2u
- Konsep BARU ! - Bantu-di-Bantu
- Tingkatkan Keyakinan Diri Melalui Sains
- FORMULA LUAR BIASA JANA PENDAPATAN !
- !!!! RAHSIA HEBAT !!!!!
- KERJA MUDAH JANA$ SETIAP MINGGU
- Rahsia Forex Terhebat...200-300pips sehari!!
- ^^Harga Rendah Tempah Laman Web^^

**Tempah Iklan Teks disini**




Hak Cipta Terpelihara 2009 - Berita Harian Sdn. Bhd. Emel kami sebarang maklum balas.
Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.
1,000 online